

01 JUN 2003

Abdullah-VCD

VCD: ABDULLAH MAHU POLIS LEBIH PANTAS

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta polis dan pihak berkuasa yang lain supaya lebih pantas dan bijak dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dan penjualan cakera padat video (VCD) haram.

Katanya, pendekatan yang lebih pantas perlu dilaksanakan oleh pihak polis memandangkan sindiket pengedaran VCD haram itu menggunakan pelbagai taktik dan cara baru bagi mengelak daripada diberkas.

"Kita sentiasa menghadapi taktik-taktik dan tipu helah yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ini dan polis serta pihak berkuasa undang-undang mesti lebih pantas dan dapat menjangkakan langkah-langkah yang boleh diambil," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta berbasikal "Riding For Life" di Taman Tasik Titiwangsa di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tempoh dua minggu yang diberikan oleh Ketua Polis Negara kepada Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan untuk membanteras gejala VCD haram di negara ini.

Arahan yang telah dikeluarkan pada 26 Mei lepas. Sebelum itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyuarakan kebimbangan mengenai kegiatan tersebut yang dikatakan kembali berleluasa sejak akhir-akhir ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata dengan kemudahan peralatan canggih dan moden, sindiket pengedaran VCD haram dikatakan dapat menggunakan pelbagai sumber dan taktik yang bijak bagi mengabui mata pihak berkuasa.

"Pada masa kini, mereka mempunyai sumber yang mencukupi untuk merancang gerakan...dariapda dicekup oleh polis," katanya.

Ketika ditanya, sama ada laporan peringkat awal telah diberikan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai kepada beliau berhubung operasi membanteras VCD haram, beliau berkata: "Belum lagi. Saya baru balik semalam."

Abdullah sebelum ini bercuti seminggu di luar negara.

Apabila ditanya sama ada tempoh dua minggu itu mencukupi bagi polis dan pihak berkuasa yang lain untuk memerangi gejala tersebut, beliau berkata semua pihak penguatkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Kastam dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu bekerja keras untuk memastikan kegiatan tersebut benar-benar terhapus.

"Usaha menghapuskan VCD haram ini melibatkan beberapa agensi dan mereka ini perlu bekerja keras untuk mendapatkan kejayaan yang sebesar mungkin," katanya.

Katanya, tempoh dua minggu itu diharap dapat memberikan ruang yang mencukupi bagi semua pihak menguatkuasakan undang-undang mengikut bidang kuasa masing-masing.

Beliau juga berharap jawatankuasa khusus yang dibentuk bagi menangani gejala VCD haram itu akan dapat meningkatkan keberkesanan undang-undang yang berkaitan serta dapat menilai sejauh mana kejayaan yang diperolehi.

Pada majlis itu Abdullah melepaskan seramai 35 orang peserta berbasikal yang terdiri daripada 20 orang peserta tempatan dan 15 peserta dari Singapura.

Acara yang pertama kali diadakan itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai gejala AIDS/HIV di samping memungut derma bagi membiayai pesakit AIDS/HIV yang dianjurkan secara bersama oleh Yayasan Aids Malaysia, Majlis Aids Malaysia dan Actions For AIDS (AFA) dari

Singapura.

Peserta program itu akan menjelajah sejauh 949km bermula dari Kuala Lumpur ke lima buah bandar besar serta 17 kampung di seluruh negara mulai hari ini sehingga 8 Jun depan.

-- BERNAMA
RAM KHY MOZ